

28 SEP 2002

Khir-PAS

PAS RAIH SOKONGAN DENGAN MEMAINKAN EMOSI ORANG MELAYU

KOTA BAHARU, 28 Sept (Bernama) -- PAS kini semakin giat memainkan emosi dan sentimen terutamanya di kalangan orang Melayu dalam usaha meraih sokongan politik dan perbuatan itu akan membawa kerugian besar kepada orang Melayu, kata Menteri Besar Selangor Datuk Seri Mohd Khir Toyo.

Beliau berkata "peperangan secara emosi" yang dilancarkan PAS berjaya kerana tabiat Orang Melayu yang mudah terpegaruh dengan cerita-cerita dan sentimen-sentimen yang sensitif sehingga menyebabkan mereka mengundi pembangkang pada pilihan raya.

"Saya melihat permainan emosi oleh PAS akhir-akhir ini nampaknya telah begitu jauh sehinggakan ada yang terlanjur sebagaimana (Menteri Besar Kelantan Datuk) Nik Abdul Aziz (Nik Mat) baru-baru ini mengatakan bahawa memang dia terlanjur mengatakan Perdana Menteri tidak pandai membaca Al-Quran," katanya kepada pemberita selepas majlis ramah mesra dengan pemimpin Umno Kelantan di sini, malam tadi.

Mohd Khir berkata emosi rakyat yang dimainkan oleh PAS ialah mereka sering mengaitkan Islam dengan kemiskinan dan apabila berceramah mereka akan menceritakan mengenai kemiskinan Nabi Muhammad ketika sebelum baginda menjadi Rasul iaitu menjadi gembala kambing.

"...tetapi mereka tidak menceritakan bahawa Rasulullah juga sebenarnya memerlukan orang yang mempunyai ekonomi yang kukuh untuk mengembangkan agama Islam," katanya.

Katanya perbuatan PAS itu akhirnya menyebabkan orang Melayu terus mundur kerana mereka menganggap kemiskinan itu sebagai takdir yang tidak memerlukan mereka berusaha untuk mencari kemajuan hidup.

Beliau berkata tindakan PAS mengaitkan Islam dengan kemiskinan adalah tidak betul kerana Islam adalah agama yang membawa kemajuan, kejayaan dan kekuatan kepada sesuatu bangsa itu.

"Sebab itu kita merayu kepada orang Melayu hari ini supaya jangan terbawa dengan emosi yang dimainkan oleh pembangkang sebaliknya tumpukan kepada politik yang memperjuangkan agama, bangsa dan negara," katanya.

Beliau berharap Umno terutamanya di Kelantan dapat mengekang strategi yang dilakukan oleh PAS itu agar Orang Melayu tidak terus terperdaya.

Ditanya kesediaan Nik Aziz untuk memohon maaf secara terbuka kepada Dr Mahathir dalam ceramahnya akan datang, Mohd Khir berkata inilah antara emosi-emosi yang dimainkan pemimpin PAS yang akhirnya menyebabkan mereka melakukan kesilapan.

-- BERNAMA

BD RHM